

13/10/2003

Menteri Luar OIC susun tindakan isu Iraq, Palestin

PUTRAJAYA: Mesyuarat peringkat Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sempena Sidang Kemuncak ke-10, yang bermula hari ini, akan memperincikan bentuk tindakan yang dapat dilaksanakan bagi mengatasi kemelut di Iraq dan Palestin.

Menteri terbabit juga akan menyokong resolusi bagi mengecam serangan Israel terhadap Syria kerana ia dianggap sebagai satu usaha rejim itu meluaskan penindasan terhadap negara Islam.

Sumber diplomatik berkata, mesyuarat akan menumpukan kepada resolusi yang boleh diterima dan dipersetujui semua serta dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan praktikal.

"Mereka tidak mahu lagi resolusi bersifat retorik. Berdasarkan mesyuarat peringkat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM), beberapa agenda praktikal, termasuk tindakan konkrit menangani isu Palestin dan kecaman serangan Israel terhadap Syria.

"Anggota OIC sudah sedar bahawa kita tidak lagi boleh duduk berbincang tanpa melaksanakan sebarang tindakan tegas untuk menyelamatkan umat Islam," katanya.

Agenda yang dicetuskan pada mesyuarat SOM menjadi rangka perbincangan peringkat Menteri dan Ketua Negara selain Deklarasi Putrajaya. Semua agenda ini perlu diterima pada peringkat ketua negara yang akan bersidang mulai 16 hingga 17 Oktober.

Kira-kira 35 menteri luar dan delegasi masing-masing berada di sini.

Sidang kemuncak OIC yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mencarta masa depan dan hala tuju pergerakan itu dalam menangani cabaran dunia Islam yang semakin rumit.

Tema persidangan kali ini, "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah" dipilih Malaysia kerana ia adalah pendekatan yang mampu menarik keluar negara Islam dari kemelut semasa selain memartabatkan penganutnya pada peringkat antarabangsa.

Mesyuarat peringkat menteri hari ini akan dipengerusikan, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sumber berkenaan juga berkata, sebarang langkah praktikal yang dicadangkan dilihat sangat perlu bagi menghentikan pembunuhan umat Islam seperti di Palestin.

"Kita tidak mahu lagi rakyat mereka menderita dan tiba masa bagi umat Islam bersatu dan bangun menentang kezaliman," katanya.

Kelmarin, pegawai kanan OIC mahu kepemimpinan Malaysia sebagai pengerusi baru OIC, menterjemahkan tindakan konkrit menangani isu Palestin, di samping mengukuhkan dan menyuburkan semula pertubuhan berkenaan.

Selain menangani masalah di Palestin, mesyuarat dijangka menyentuh mengenai Iraq, mengakhiri pendudukan tentera penceroboh dan program pembangunan semula di negara itu.

"Pastinya isu Iraq akan menjadi tumpuan, memandangkan wakilnya ada bersama pada mesyuarat kali ini.

"Apatah lagi hasrat Turki yang mahu menghantar pasukan pengaman ke Iraq walaupun OIC berpendapat sebarang penghantaran tentera perlu mendapat mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," katanya.

Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC hari ini akan turut membincangkan isu berkaitan jawatan Setiausaha Agung, yang mana ia akan ditentukan berasaskan persetujuan sebulat suara negara anggota.

Antara agenda lain yang akan turut dimasukkan termasuk keganasan,

pendidikan, perdagangan, pembangunan, ekonomi, sains dan teknologi (S&T) serta perkongsian kepakaran di kalangan negara anggota.

Langkah ini dilihat sebagai usaha memantapkan kerjasama di kalangan anggota berikutan sebarang hubungan ketika ini hanya terhad kepada hubungan diplomatik.